

24 NOV 1999

Ling-Pengundi

JANGAN "CUBA-CUBA" UNTUK PILIH KERAJAAN LAIN, KATA DR LING

PULAU PINANG, 24 Nov (Bernama) -- Rakyat yang mahu cuba "menukar selera" dalam memilih kerajaan hanya mengundang masalah jika parti yang dipilih itu tidak berkemampuan untuk membangunkan rakyat dan negara, kata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

Rakyat tidak harus memperjudikan masa depan mereka dengan "cuba-cuba" memilih kerajaan lain kerana tindakan itu boleh membawa padah kepada generasi akan datang, katanya.

Barisan Nasional (BN), yang merupakan sebuah parti gabungan yang mantap dan matang, mempunyai rekod perkhidmatan yang baik dan disenangi semua kaum dan dikagumi oleh rakyat asing, katanya kepada pemberita sebelum memulakan lawatan ke 13 pusat operasi MCA di Pulau Pinang.

Selama 42 tahun BN menarik perhatian masyarakat dunia dengan kemampuannya memerintah dan membangunkan negara yang terdiri daripada masyarakat berbilang bangsa, agama dan budaya sehingga ada yang datang ke negara ini untuk mempelajari rahsia kejayaannya, katanya.

Beliau berkata, rakyat perlu berfikir secara rasional sama ada memilih Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atau Datuk Nik Aziz Nik Mat untuk memerintah negara ini kerana jika Nik Aziz menjadi Perdana Menteri, beliau akan meneruskan rancangannya untuk menubuhkan sebuah negara Islam dan melaksanakan hukum hudud.

Dr Ling berkata, rakyat harus menyedari bahawa setiap undi yang diberi kepada DAP bermakna menyokong PAS, Nik Aziz dan penubuhan negara Islam tetapi beliau yakin masyarakat Cina di negara ini sentiasa berdiri teguh di belakang kepimpinan Dr Mahathir.

Beliau yakin kerajaan gabungan parti pembangkang akan hancur pada hari pertama persidangan Dewan Rakyat berikutan "perbalahan" antara Nik Aziz yang mahu membentangkan usul negara Islam dan Setiausaha Agung DAP, Lim Kit Siang yang sudah tentu menentang rancangan itu.

"Sudah pasti Kit Siang akan menarik diri daripada kerajaan gabungan itu dan akhirnya memaksa pilihan raya umum diadakan sekali lagi untuk mendapatkan kerajaan yang lebih berwibawa," katanya.

Beliau juga berkata, pada pilihan raya kali ini wanita mempunyai peranan dan kuasa yang penting kerana mereka boleh menjadi faktor penentu kemenangan calon-calon yang bertanding berikutan jumlah mereka yang lebih ramai berbanding pengundi lelaki.

Sebanyak 59 peratus daripada pengundi berdaftar adalah wanita berbanding lelaki, 41 peratus.

Sehubungan itu, katanya, MCA sejak lima tahun lalu telah mula melatih anggota wanitanya untuk bergiat aktif dalam politik dan memberi khidmat kepada rakyat seperti yang dilakukan oleh Wanita Umno.

Mengulas mengenai peluang calon-calon MCA di Pulau Pinang, beliau yakin rakyat akan mengembalikan mandat kepada mereka selama lima tahun lagi berikutan kejayaan mereka berkhidmat dengan berkesan kepada masyarakat.

Tanggapan DAP bahawa kawasan Parlimen Bagan merupakan kubu kuat parti itu hanyalah mitos semata-mata kerana kemenangan calon pembangkang di situ pada pilihan raya kecil 1995 diperolehi setelah rakyat berpuas hati bahawa BN telahpun dapat menubuhkan kerajaan dengan majoriti dua pertiga.

Beliau yakin pada kali ini, rakyat dapat membuat keputusan yang wajar dan tidak lagi berdasarkan sentimen "mahu bertukar angin".

Mengenai peluang calon MCA di Parlimen Bukit Mertajam, Dr Tan Chong Keng dan DUN Sungai Puyu, Loo Ah Dee, yang masing-masing ditentang oleh

Chong Eng dan Phee Boon Poh daripada DAP, beliau berkata: "Rakyat pasti boleh menilai kemampuan calon-calon BN ini kerana mereka telah bekerja bersungguh-sungguh dan mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang".

Dr Ling turut membidas Kit Siang dan Pengerusi DAP negeri, Karpal Singh yang menjadikan parti politik sebagai satu peluang membina dinasti keluarga atau menubuhkan "perniagaan keluarga Sdn Bhd" kerana mencalonkan anak-anak serta menantu masing-masing untuk bertanding pada pilihan raya kali ini.

-- BERNAMA

ZU PR